

## KENYATAAN RASMI

### **TEMPOH KUARANTIN KENDIRI (*SELF-QUARANTINE*) BAGI PELAJAR KOLEJ KOMUNITI LEDANG SEBELUM PELAKSANAAN KERJA AMALI**

Merujuk kepada surat yang dikeluarkan oleh pihak Kolej Komuniti Ledang, No. Rujukan KKLEJ/600-1/5 Jld.4 (54) bertarikh 28 Disember 2020 berkenaan Laporan Diri Pelajar Kolej Komuniti Ledang, Kementerian Pengajian Tinggi bagi Semester 1,2 dan 3 Sesi Jun 2020.

Sehubungan dengan itu, pihak pengurusan Kolej Komuniti Ledang telah mengadakan sesi perbincangan dengan Pegawai Kesihatan, Pusat Kesihatan Daerah Tangkak bagi memutuskan beberapa perkara berikut:

- i. Semua pelajar semester 1, 2 dan 3 Sesi Jun 2020 digesa untuk menjalani tempoh **Kuarantin Kendiri (*Self-Quarantine*)** di rumah sewa atau rumah sendiri di Tangkak **selama tujuh (7) hari** mulai tarikh **3 Januari 2021 sehingga 9 Januari 2021**. Oleh yang demikian, pelaksanaan kerja amali dan praktikal akan bermula pada **10 Januari 2021 (Ahad)** mengikut jadual kelas yang boleh dimuat turun melalui [http://pengambilan.kklej.edu.my/jadual\\_waktu.html](http://pengambilan.kklej.edu.my/jadual_waktu.html).
- ii. Pelajar yang menyewa rumah di sekitar Tangkak dikehendaki terus berada di rumah sewa sehingga tempoh kuarantin selama tujuh (7) hari tamat. Sekiranya pelajar kembali ke kediaman di luar Tangkak dalam tempoh kuarantin ini, maka proses kuarantin tujuh (7) hari akan dikenakan semula sekembalinya pelajar ke rumah sewa.
- iii. Sepanjang tempoh kuarantin sendiri, semua pelajar **wajib** melaporkan status kesihatan masing-masing melalui **Borang Deklarasi Saringan Penyakit COVID-19** di pautan [http://gg.gg/BorangDeklarasiCovid19\\_KKLJ](http://gg.gg/BorangDeklarasiCovid19_KKLJ) pada **3 Januari 2021 dan 9 Januari 2021** sebelum pukul **7.00 petang**.
- iv. Pihak kolej akan menyalurkan bantuan seperti makanan, ubat-ubatan dan lain-lain yang dianggap perlu pada setiap rumah sewa pelajar sepanjang tempoh kuarantin sendiri. Pelajar juga perlu melantik dan mendaftar seorang wakil di setiap rumah sewa bagi tujuan penyaluran bantuan melalui pautan <http://gg.gg/DaftarWakilRumahSewa>.
- v. Pelajar tertakluk pada Prosedur Operasi Standard (SOP) tertentu bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan seluruh warga kolej, antaranya:
  - a) Semua pelajar yang tinggal di rumah sewa / rumah sendiri tidak digalakkan keluar rumah tanpa urusan penting terutamanya berada di tempat awam seperti pusat membeli belah, panggung wayang, kedai makan/restoran, tempat rekreasi dan sebagainya.

- b) Pelajar digalakkan untuk menggunakan aplikasi melalui atas talian bagi membuat tempahan makanan/barangan keperluan sekiranya perlu.
- c) Semua Pelajar digesa supaya sentiasa mengamalkan kawalan sendiri termasuk penjarakan fizikal, memakai pelitup muka, kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau *hand sanitizer* serta menjaga kebersihan diri dan tempat tinggal.
- d) Pelajar perlu melaporkan dengan segera pada pihak kolej sekiranya tidak sihat atau berlaku sebarang urusan kecemasan.
- e) Pelajar juga tertakluk pada arahan pihak pengurusan kolej dari masa ke semasa.

Sebarang perubahan adalah tertakluk kepada situasi semasa COVID-19 serta arahan terkini pihak Kerajaan Malaysia. Sekiranya terdapat kemusykilan berkenaan perkara di atas, sila berhubung dengan Pegawai Pembangunan Pelajar (Kebajikan & Disiplin), Puan Nur Fadhilah binti Rosidee di talian 019-6572905.

**Pengarah**  
**Kolej Komuniti Ledang, Johor**  
**2 Januari 2021**